



BERNAMA.COM
Get It Right

AM

Peniaga di Perak minat sertai bazar dalam talian boleh mohon mulai hari ini



ENJOY CHEAPER ELECTRICITY BILLS VIA NEM PROGRAMME

click for more info

Create a sustainable future with renewable energy.



17/04/2020 09:27 PM

IPOH, 17 April -- Peniaga makanan di Perak yang berminat untuk menyertai bazar Ramadan secara dalam talian dikenali sebagai S.M.A.R.T Iftar@Perak boleh membuat pendaftaran dengan Digital Perak Corporation Holdings (DigitalPerak) mulai hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan negeri, Datuk Nolee Ashilin Mohammed Radzi berkata pendaftaran boleh dibuat di laman sesawang digital.perak.my dan ia berdasarkan 'siapa cepat dia dapat' kerana S.M.A.R.T Iftar@Perak menggunakan khidmat syarikat penghantaran makanan yang mempunyai kuota tertentu.

Beliau yang memangku portfolio Komunikasi dan Multimedia berkata di bawah program S.M.A.R.T Iftar@Perak yang boleh digunakan mulai 1 Ramadan, kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan DigitalPerak bekerjasama dengan Foodpanda Malaysia Sdn Bhd (Foodpanda) serta Grab Malaysia (Grab) melalui GrabFood selain kemudahan sistem tempahan dan e-katalog, YEZZA.

"Syarikat penghantar makanan ini menetapkan kuota tertentu untuk pendaftaran bagi memastikan mereka dapat memberikan perkhidmatan penghantaran yang berkualiti termasuk dari segi masa.

Selain itu, para peniaga yang berdaftar juga tertakluk kepada beberapa syarat antaranya peniaga berdaftar dengan PBT dan mengambil suntikan tifoid," katanya dalam sidang media di sini, hari ini.

Nolee Ashilin berkata S.M.A.R.T Iftar@Perak sebelum ini dicadang untuk konsep pandu lalu, namun ia tidak diteruskan selari dengan keputusan di peringkat kerajaan pusat yang tidak membenarkan pelaksanaan idea itu.

Menurut Nolee Ashilin, di bawah program S.M.A.R.T Iftar@Perak, Foodpanda dan GrabFood hanya mengenakan caj komisen makanan sebanyak 25 peratus berbanding 30 peratus ke atas pihak vendor atau pengusaha makanan ketika ini.

-- BERNAMA